



Wanita telah memecah monopoli lelaki dalam bidang pekerjaan dan mampu menjadi ketua org

BOS ANDA SEORANG

Bos wanita, menurut orang yang menyukainya terutama dari kaum Adam, cenderung bersikap berkawan berbanding bos lelaki. Tetapi wanita lebih cerewet dan kadang-kadang mudah dipengaruhi emosi

SEBAHAGIAN orang lebih menyukai wanita sebagai orang atasan. Anehnya, majoriti pekerja wanita dikatakan lebih gemar mendapat bos lelaki daripada golongan mereka sendiri. Bos wanita, menurut orang yang menyukainya terutama dari kaum Adam, cenderung bersikap berkawan berbanding bos lelaki. Dia mungkin sering membawa makanan ke pejabat

untuk dijamu oleh anak-anak buahnya. Bos wanita juga lebih menggemari hubungan yang akrab dengan orang bawahan manakala bentuk hubungan bos lelaki lebih kaku. Tetapi wanita lebih cerewet dan kadang-kadang mudah dipengaruhi emosi!

Di Barat, semakin ramai wanita yang telah mendapat status sebagai bos. Menurut Ashridge Management College

Tenaga Kerja Wanita Bagi Tahun 2001 ('000)

Bilangan penduduk wanita yang bekerja	3,323.0
Pengggabal undang-undang, pegawai kanan dan pengurus	153.3
Profesional	184
Juruteknik dan profesional bersekutu	408.9
Pekerja perkeranian	581.4
Pekerja perkhidmatan, pekerja kedai dan jurujual	570.5
Pekerja mahir pertanian dan perikanan	406.9
Pekerja pertukangan dan berkaitan	178.6
Operator loji, mesin dan pemasangan	417.5



ia organisasi yang baik.

IG WANITA?

pada 1988, hampir tiga peratus pengarah bagi 1,500 buah syarikat utama di United Kingdom terdiri daripada wanita. Malah golongan wanita menyumbang sebanyak 45 peratus jumlah keseluruhan tenaga kerja negara tersebut. Keadaan ini juga wujud di Amerika Syarikat di mana sejumlah 0.8 peratus jawatan atasan untuk 1,000 buah syarikat yang disenaraikan dalam majalah *Fortune* dipegang oleh wanita.

Di Malaysia, wanita membentuk 3.17 juta orang atau 33.1 peratus daripada tenaga buruh pada tahun 2000. Situasi ini amat berbeza daripada tahun 1957 di mana hanya terdapat 2.04 juta atau 24.3 peratus tenaga kerja wanita di Semenanjung Malaysia. Namun wanita yang menjadi majikan tidaklah begitu ramai iaitu sekitar 0.8 peratus atau 25,360 daripada keseluruhan pekerja wanita pada tahun 2000.

Keupayaan wanita menjadi bos peringkat tinggi terbukti tidak boleh diperkecilkan. September lepas, Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM), Tan Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz dipilih sebagai gabenor bank pusat terbaik Asia. Sebelum itu, Halimahton Ahmad mencatat sejarah apabila menjawat jawatan sebagai Ketua Bahagian Siasatan Jenayah Daerah (KBSJD) bagi Ibu Pejabat Polis Putrajaya. Kemunculan Mejar Emilia Kamaruddin sebagai juruterbang pesawat pejuang pertama Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) pula membuktikan kemampuan wanita dalam bidang yang sebelum ini 100 peratus didominasi kaum lelaki.

Dalam bidang teknologi komunikasi, kaum Hawa sebenarnya cukup berbangga dengan pencapaian Chua Seok Theng. Seok Theng yang diberi kepercayaan menduduki kerusi Ketua Pegawai Maklumat (CIO) DiGi – satu-satunya wanita yang berjaya menyandang jawatan tersebut di negara ini.

Begitu juga dengan kejayaan yang dicapai oleh Datin Paduka Rahmah Husain apabila menjadi wanita kedua dilantik sebagai Hakim Mahkamah Rayuan. Swinder Grewal yang dipertanggungjawabkan sebagai Ketua Pegawai Operasi (COO) pula menerajui pengurusan Rangkaian Segar Sdn. Bhd. iaitu syarikat pengeluaran kad prabayar berasaskan cip Touch & Go.

Detik-detik pelantikan sebagai Ketua Penolong Pengarah Pentadbiran Syariah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) pasti akan dikenang sepanjang hayat oleh Zawiyah Hassan – wanita pertama dilantik menjawat jawatan yang berperanan dalam urusan pentadbiran syariah termasuk pendaftar cerai dan rujuk.

Bagi Dr. Rokiah Talib, bekas profesor Jabatan Antropologi dan Sosiologi Universiti Malaya (UM), peredaran zaman menyaksikan semakin ramai wanita yang

memegang jawatan tinggi dalam kerjaya.

“Pendedahan, penerimaan masyarakat, sokongan dan kefahaman suami merupakan faktor yang mendorong kepada senario tersebut. Dulu kaum lelaki berfikir agak tertutup. Mereka berasa tercabar apabila mempunyai isteri yang jauh lebih berjaya dan berpangkat tinggi,” jelasnya kepada MASSA.

Apa yang lebih membanggakan, menurut Dr. Rokiah yang juga anggota Majlis Penasihat Wanita Kebangsaan, golongan lelaki menerima baik wanita yang menjadi majikan mereka. Ini memandangkan keupayaan mereka dibuktikan melalui kelayakan dan berkemampuan selain mempunyai ciri-ciri lain seperti tegas dalam membuat keputusan, cekal dan sanggup berusaha.

Pada masa yang sama mereka dikatakan berbeza daripada bos lelaki dari segi *feminine touch*, *very caring* dan sangat prihatin. Biarpun begitu ada segelintir wanita yang menggunakan daya tarikan untuk menggoda ketua lelaki mereka bagi mendapatkan kenaikan pangkat.

“Seperti mana rakan-rakan yang lain, mereka ini berkelayakan tetapi disebarkan keinginan untuk naik pangkat dengan cepat mereka sanggup melakukan demikian. Akibatnya hubungan sesama rakan sekerja akan terjejas dan walaupun berjaya memperoleh jawatan yang diidamkan mereka tidak dihormati oleh kakitangan bawahan,” tambahnya.

Jadi adalah tidak menghairankan apabila terdapat kakitangan lelaki yang tidak sukakan kehadiran wanita di tempat kerja kerana mereka berpendapat wanita menyekat peluang mereka atau lelaki lain daripada memperoleh peluang pekerjaan yang lebih baik.

Dr. Rokiah berpendapat wanita hari ini merupakan golongan yang sanggup berjuang dan mengimbangkan antara kerjaya dan keluarga. Mempunyai suami yang bertimbang rasa dan orang gaji yang boleh diharapkan menguruskan rumah sewaktu ketiadaan mereka menyebabkan mereka tidak menoleh ke belakang lagi.

Wanita sanggup meredah lautan pekerjaan yang sebelum ini didominasi oleh lelaki. Usaha gigih yang memakan masa bertahun-tahun itu akhirnya membuahkan hasil terutama dalam bidang pendidikan yang dipelopori oleh wanita biarpun pencapaian mereka dari segi kerjaya masih dalam bentuk piramid. □